

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' YANG DI PERTUA
SEMPENA
PERHIMPUNAN KORPORAT
26 MEI 2016 (KHAMIS), JAM 8.45 PAGI

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan tuan dan puan - puan Warga Kerja MPSP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pertamanya, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang kedua untuk tahun 2016.

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015

Saya mengucapkan tahniah kepada warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 pada 1 Mac 2016, Selasa yang lalu. Terdapat seramai 201 orang pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai dari pelbagai peringkat jawatan dan jabatan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk tahun 2015. Penerima ini terdiri dari 4 orang kumpulan pengurusan dan professional, 45 orang kumpulan sokongan 1 dan 152 orang dari kumpulan sokongan 2. Penghargaan ini diberikan kerana mereka telah menunjukkan prestasi dan juga berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2015. Terdapat pertambahan sebanyak 49 orang berbanding tahun 2014 iaitu seramai 152 orang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Kemudahan Untuk Staf

i. Perubatan dan Klinik Panel

MPSP menitik beratkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MPSP telah menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan perubatan berjumlah RM1.35 juta. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan klinik panel disediakan kepada kakitangan dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.35 juta.

ii. Ex-Gratia

MPSP juga telah membelanjakan sebanyak RM125,904.44 pada tahun 2014 dan RM89,313.70 pada tahun 2015 bagi bayaran pampasan (*ex-Gratia*) kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas.

iii. Peralatan dan Kelengkapan Keselamatan

Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSMS) merupakan pendekatan yang dapat menyumbang ke arah perlindungan pekerja daripada bahaya kerja, kecederaan, situasi tidak sihat, penyakit, keadaan merbahaya yang boleh membawa maut dan kematian. Oleh itu, pada tahun 2014 MPSP

telah membelanjakan sebanyak RM288,639.90 manakala pada tahun 2016, MPSP telah membelanjakan sebanyak RM282,997.99 untuk pembelian Alat Pelindung Diri di bawah OHSAS. Ini dilakukan bagi menyelesaikan kes-kes kemalangan serta menunjukkan komitmen MPSP sebagai majikan dalam menjaga kebajikan pekerja.

iv. Pas Meletak Kenderaan Percuma MPSP

Bagi tahun 2015 sehingga 1 Mei 2016 seramai 136 orang pesara MPSP telah menerima pas meletak kenderaan percuma MPSP. Pelekat meletak kereta percuma seumur hidup diberi kepada pesara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan syarat seperti berikut:

- a) Kemudahan meletak kereta percuma seumur hidup dipanjangkan kepada semua pesara Majlis Perbandaran Seberang Perai tanpa mengira tahun bermula persaraan.
- b) Kemudahan pelekat meletak kereta percuma seumur hidup diberi kepada pesara MPSP bertaraf jawatan tetap. Bekas kakitangan bertaraf kontrak juga menerima kemudahan ini dengan syarat

telah berkhidmat secara kontrak dengan Majlis tidak kurang dari 10 tahun. Bekas kakitangan mestilah tiada rekod tatatertib.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Program Rasionalisasi Perkhidmatan Awam

Program ini telah diumumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam satu pekeliling yang dikeluarkan pada 14 April. Menurut pekeliling, sejumlah 252 skim perkhidmatan awam sedia ada akan ditambah baik dan dikurangkan menjadi hanya 240 skim, dengan tangga gaji minimum dinaikkan kepada RM1,200 daripada RM837 pada masa kini. Kerajaan telah memutuskan Gred 17 dan Gred 19 diseragamkan kepada Gred 19, manakala Gred 27 dan Gred 29 diseragamkan kepada Gred 29. Skim perkhidmatan baru akan berkuat kuasa pada 1 Julai pada tahun 2016 ini.

Anggaran kos keseluruhan bagi pelarasan gaji minimum ini adalah berjumlah RM3.22 juta (Julai – Disember 2016) atau RM6.44 juta setahun. Pada bulan Julai 2016 juga, semua kakitangan MPSP akan mendapat pemindahan kenaikan gaji tahunan sebanyak satu (1) kenaikan. Anggaran kos bagi melaksanakan pembayaran gaji ini

adalah berjumlah RM1.24 juta (Julai – Disember 2016) atau RM2.48 juta setahun. Secara keseluruhannya, kos emolumen akan bertambah sebanyak RM11.08 juta pada tahun 2016.

Di dalam Sidang DUN baru-baru ini, YAB Ketua Menteri telah mengumumkan bonus hari Raya akan dibayar sebanyak $\frac{3}{4}$ daripada gaji hakiki. Oleh yang demikian, kita perlu memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada penduduk. Beberapa perkara melibatkan pembersihan telah dibangkitkan dalam Sidang Dun seperti isu kebersihan longkang, parit dan kutipan sampah.

Dengan kenaikan elaun dan gaji tersebut, marilah kita bersama-sama mengembeleng usaha meningkatkan hasil atau pendapatan MPSP. Dengan cara ini kita dapat merapatkan jurang antara hasil dan perbelanjaan MPSP. Usaha harus dipergiatkan dalam mengutip tunggakan hasil cukai, sewaan dan lain-lain. Kreativiti dan idea-idea baru perlu diketengahkan dalam usaha menjana hasil baru kepada MPSP. Semua kakitangan juga perlu mengamalkan perbelanjaan berhemah dan membuat kajian pasaran bagi mendapatkan “value for money” atas setiap sen yang dibelanjakan. Ruang bagi ketirisan perbelanjaan jangan dibiarkan berlaku. Setiap kenaikan elaun dan gaji

yang dinikmati oleh kakitangan harus ditunjuk melalui prestasi kerja kita dan perkhidmatan Majlis kepada penduduk Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. **Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)**

5S bukan kerja satu atau dua orang, tetapi perlu dilaksanakan oleh semua orang daripada Ketua Jabatan sehinggalah kepada semua kakitangan di bawah pengurusan masing-masing. Setiap jabatan tidak boleh ketinggalan untuk memastikan ianya dilaksanakan secara berterusan. Adalah tidak adil kepada mereka yang bertungkus lumus menjayakan 5S sedangkan yang lain tidak mengambil peduli atas apa yang telah dilaksanakan dengan anggapan bahawa 5S dan kualiti adalah kerja tambahan yang perlu dilaksanakan. Adalah amat mendukacitakan jika kita mempunyai pemikiran seperti ini dengan menganggap kualiti adalah kerja yang terpaksa dilaksanakan dan menjadi kerja tambahan, menyusahkan dan membebankan.

Saya difahamkan tindakan pembersihan dan mengemaskini ruang kerja serta bilik simpanan hanya dibuat bila audit hendak dijalankan.

Sepatutnya ia adalah amalan seharian yang perlu dilaksanakan tanpa disuruh, tanpa dipaksa dan tanpa menunggu audit. Sepertimana yang pernah dikatakan sebelum ini, jadikan lima minit pertama dan lima minit terakhir waktu kerja untuk laksana 5S di ruang kerja masing-masing dan membuat gotong royong secara berkala di jabatan masing-masing.

Kepada semua Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, sila pastikan tindakan diambil di jabatan masing-masing. MPSP kini menjadi *benchmark* kepada agensi-agensi lain yang memandangi tinggi pencapaian MPSP pada hari ini. Selain daripada itu, ada diantara jabatan yang menerima pelanggan ke jabatan setiap hari untuk berurusan. Justeru, jadikan jabatan tuan/puan sebagai contoh kepada jabatan lain serta kepada para pelanggan yang datang berurusan di MPSP serta pelawat-pelawat yang datang melawat ke MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Fokus MPSP 2016

Fokus MPSP 2016 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2015. Sebanyak 57 program dan 106 aktiviti telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini dan “*We are committed to deliver as promised*”. Tonggak kecemerlangan sesebuah organisasi terletak kepada jentera pengurusannya yang berwawasan. Bagaimanapun tanpa pegawai dan kakitangan yang mengamalkan budaya kerja cemerlang akan mencacatkan usaha untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Oleh itu, MPSP sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dikalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan MPSP dapat ditingkatkan dari masa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian yang amat membanggakan.

Sebagai makluman semua sebanyak 8 Garis Panduan telah diluluskan untuk tahun 2015 manakala sehingga April 2016 sebanyak 2 Garis Panduan telah diluluskan.

Garis Panduan yang telah diluluskan pada tahun 2015 adalah:

- GP binaan tambahan
- GP Rumah mampu milik
- GP Pusat Kenderaan Terpakai
- GP Rumah sesebuah
- GP TLK untuk Perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah
- GP Pemutihan Batching Plant
- GP tukar guna Taman Tenang
- GP Tukar guna Jalan Tembikai Satu

Garis Panduan yang telah diluluskan pada tahun 2016 adalah

- GP pemutihan kilang-kilang tanpa kelulusan di luar kawasan industri
- GP Pindaan Tadika

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Disiplin

Ingin saya tegaskan disini bahawa bagi memantapkan profesionalisme dalam perkhidmatan awam, mengambil tindakan tatatertib merupakan jalan terakhir yang diambil oleh pihak pengurusan bagi menangani mereka yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang. Tindakan

tatatertib merupakan tindakan menghukum agar tidak melakukan perkara yang salah disisi peraturan dan undang-undang. Walaubagaimanapun, masih terdapat kakitangan yang menjalankan kesalahan disisi undang-undang. Dari Januari sehingga 1 Mei 2016, MPSP telah mengambil tindakan terhadap 5 kes dan seramai 120 orang kakitangan kontrak telah ditamatkan perkhidmatan dan tidak diperbaharui kontrak perkhidmatan atas pelbagai jenis pelanggaran tatakelakuan.

Oleh yang demikian, semua ketua-ketua jabatan harus memberikan perhatian yang serius ke atas perkara ini. Kakitangan yang bermasalah haruslah dirujuk dengan Pihak Berkuasa Pelantikan & Tatatertib agar ia tidak menjadi barah dan sukar untuk diatasi.

Semua warga kerja MPSP hendaklah bekerja sebagai satu pasukan dan berdisiplin serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan tugas yang di amanahkan kepada kita. Di sini saya ingin menegaskan bahawa saya amat mementingkan disiplin dalam menjalankan tugas bagi semua staf kita. Yang berdisiplin dan rajin bekerja akan diberi penghargaan dalam pelbagai anugerah. Jikalau kita berfikiran positif, 50% rintangan telah kita atasi, Cuma 50% sahaja

perlu kita tangani. Selalunya kita sentiasa berperang dengan minda kita sendiri, memang naluri manusia sentiasa untuk melaksanakan yang terbaik. Suka saya ingatkan, semua kakitangan perlu memastikan semua urusan berkaitan pentadbiran diuruskan secara bersistematik supaya selaras dengan kehendak Arahan Pentadbiran dan perintah-perintah am kerajaan Pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan. Justeru itu saya ingin mengingatkan sekali lagi setiap warga MPSP perlulah berfikiran positif, berdisiplin serta bertanggung jawab dan amanah dalam menjalankan tugas. Kita sendiri yang memohon jawatan kita di MPSP tanpa tekanan dari sesiapa, oleh itu kita mestilah melaksanakan amanah yang diberikan. Pekerja yang cemerlang sentiasa meningkatkan tahap kecekapan, berinovasi, rajin, produktif, berdisiplin dan berintegriti. semua kakitangan diminta mematuhi peraturan dan arahan serta menitikberatkan kehadiran ke pejabat. Tuan-tuan dan puan-puan adalah aset terpenting bagi MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Dasar Pengasingan Sisa di Punca

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di

Pulau Burung. Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Langkah-langkah persiapan telah dan sedang diambil sebelum dasar ini dilaksanakan

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kutipan sisa baki adalah seperti biasa iaitu 3 kali seminggu manakala sisa kitar semula adalah pada setiap hari Sabtu untuk keseluruhan kawasan di Seberang Perai.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua pihak, iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1,100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di

negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1,100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta / tahun.

Harapan saya dengan jumlah staf MPSP hampir 5000 orang sebagai duta MPSP serta menjadi contoh kepada rakyat negeri Pulau Pinang terutama di Seberang Perai kesedaran dapat ditingkatkan bagi menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Amalan kitar semula perlu dilaksanakan di Ibu Pejabat dan semua Pejabat Cawangan, Depoh Samapah, Pasar-pasar Awam, Kompleks Makanan dan perumahan PPR.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Program-program Akan Datang

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga kerjasama Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival (GTF) akan merealisasikan menganjurkan Pesta Pinggir Butterworth [*Butterworth Fringe Festival (BFF)*] pada 13-14 Ogos 2016 (Sabtu-Ahad) di Jalan Jeti Lama, Butterworth sekali lagi bagi tahun yang ke 2. BFF akan menjanjikan pelbagai kelainan aktiviti yang menarik untuk masyarakat melihat dan menghayati dengan lebih dekat pelbagai persembahan kebudayaan tempatan dan antarabangsa. Pelbagai acara yang bakal dipersembahkan akan menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif, kreatif dan persembahan kebudayaan dan juga cara hidup masyarakat. Antara acara yang akan dipersembahkan adalah Victoria & Armenian Street Project, The French Flavour, Voluminosity, Cette Immense, Snuff Puppets, Pertunjukan

Kebudayaan dan Kesenian oleh penduduk tempatan dan pelbagai lagi acara yang berteraskan asimilasi budaya serantau. Komitmen semua pihak adalah menjadi pemangkin utama dalam menjayakan program ini dan kolaborasi secara *holistik* yang wujud dalam pelaksanaan Pesta Pinggir Butterworth [*Butterworth Fringe Festival (BFF)*] diharapkan menjadi pemangkin dalam meningkatkan lagi kegemilangan Butterworth sebagai sebuah bandar yang bakal menjadi hub pengangkutan di Koridor Wilayah Utara dan serantau. BFF akan muncul sebagai salah satu produk pelancongan yang mempunyai *multiplier effect* bagi memacu kemajuan industri pelancongan dan lain-lain industri sokongan negeri Pulau Pinang.

Terdapat beberapa lagi program yang akan datang seperti Pesta Mutiara dan *MPSP Tower Run*. Saya menyeru agar semua kakitangan MPSP agar mengambil peluang melibatkan diri dalam program-program yang dianjurkan. Penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dapat memberikan hasil yang positif kepada warga MPSP.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Penglibatan Di Peringkat Antarabangsa

i. Sustainable Development Goal (SDG)

Pada 3 April hingga 5 April yang lalu, MPSP telah menerima jemputan daripada *Economic & Social Commission For Asia & the Pacific (ESCAP) United Nation* untuk menyertai *Asia Pacific Forum on Sustainable Development 2016 (APFSD 2016)* di Bangkok, Thailand. YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif turut diundang untuk salah satu sesi yang membincangkan kepentingan untuk mewujudkan bandar-bandar yang selamat, berdaya tahan dan mampan di serantau ini dan bandar-bandar perlu membuat perubahan jika diperlukan. (*SDG 11: Make Cities And Human Settlements Inclusive, Safe, Resilient And Sustainable*).

Oleh itu, kita sebagai PBT perlu melibatkan diri dan bekerjasama organisasi antarabangsa dalam proses penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan SDG. Ini adalah kerana kesan sebenar SDG ini adalah pada peringkat tempatan. Kita perlu menterjemahkan SDG kepada tindakan di peringkat tempatan melalui penglibatan awam dan perkongsian tempatan dalam proses membuat keputusan agar "kita tidak ketinggalan" atau "*No One will be left behind*" yang juga merupakan matlamat SDG.

ii. **Second World Assembly Of Local Governments & Habitat Iii Hearings With Local Authorities, New York**

Persidangan (assembly) ini adalah penting kerana ia adalah untuk membincang dan memastikan aspek-aspek yang penting berkaitan dengan pentadbiran kerajaan tempatan diambil kira untuk memastikan “Sustainable Development Goals’ (SDG) adalah jelas dan terang untuk dilaksanakan. Aspek ini telah digariskan didalam draf dokumen yang dipanggil “Zero Draft” .

Cadangan Dokumen Habitat III Zero Draft telah disediakan melalui Global Taskforce of Local And Regional Governments .

Antara perkara yang dimaklumkan adalah berkaitan :-

- mengatasi masalah-masalah “disasters” seperti banjir dan sebagainya yang akhir nya perlu diatasi oleh kerajaan tempatan / mayor.
- Integrasi pembangunan hartanah yang melibatkan kerajaan pusat , negeri dan kerajaan tempatan.
- Aspek migrasi penduduk yang menimbulkan pertembungan budaya gaya hidup dengan penduduk tempatan
- Sumber kewangan yang terhad
- “Human Resource Capacity”

- Keperluan kepada Inovasi dan teknologi untuk mengatasi masalah yang mencabar

iii. *Urban Renewal of Bukit Mertajam*

Projek *Urban Renewal of Bukit Mertajam* adalah projek kerjasama di antara MPSP, City of Yokohama, JICA, Yokohama City University, USM dan Yokohama-Seberang Perai Friendship Committee bagi mewujudkan garis panduan reka bentuk bandar bagi Bandar Bukit Mertajam. Projek ini bertujuan bagi mengukuhkan peranan Bandar Bukit Mertajam sebagai *wholesale centre* dan pada masa yang sama mengetengahkan nilai warisan dan budaya yang ada di dalam bandar tersebut melalui usaha-usaha reka bentuk bandar. Pasukan kerja telah dibentuk di peringkat MPSP dan kajian akan dilaksanakan bersama-sama dengan semua pihak berkepentingan di dalam projek ini. Bagi tahun 2016 ini, pelbagai kajian tapak dan aktiviti penglibatan bersama komuniti dirancang bagi mendapatkan maklumat berkaitan bandar dan penduduk untuk menetapkan konsep reka bentuk bandar yang akan dilaksanakan bagi pembentukan garis panduan reka bentuk bandar Bukit Mertajam. Satu *pilot project* dirancang bagi pelaksanaan dalam tempoh kajian 3 tahun ini. Projek perintis ini akan menetapkan platform bagi projek-projek lain bagi pembangunan semula Bandar

Bukit Mertajam. 4 pegawai daripada Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan sedang menjalani latihan bagi pertukaran pengetahuan daripada 16 Mei 2016 sehingga 4 Jun 2016 di Yokohama, Jepun. Sepanjang tempoh 20 hari latihan, pegawai akan didedahkan dengan pengalaman sebenar Bandar Yokohama di dalam mengaplikasikan aspek reka bentuk bandar di dalam perancangan bandar dan pemuliharaan bangunan bersejarah. Hasil daripada latihan ini adalah penting bagi memberi peluang kepada para pegawai MPSP untuk bertukar pandangan bersama pihak Yokohama serta membina hubungan professional bersama pihak luar dan mengaplikasikan bagi pelaksanaan projek di Bukit Mertajam khususnya dan seterusnya ke seluruh Seberang Perai.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kakitangan MPSP samada sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas pencapaian MPSP selama ini. Kepada seluruh kakitangan MPSP, saya mengucapkan Selamat Maju Jaya dan tingkatkan usaha serta bekerja secara profesional, komited dalam satu pasukan bagi mentransformasikan MPSP ke tahap yang membanggakan. Dalam apa jua tindakan, integriti hendaklah sentiasa disematkan sebagai tunjang utama.

Di samping itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada semua Umat Islam pada 6 Jun 2016 tidak lama lagi. Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih